

08/02/1997

Kelantan tidak mampu kawal masalah sosial

KOTA BHARU, Jumaat - Kerajaan Pas Kelantan mengakui ia tidak mampu mengawal masalah sosial, seperti HIV, Aids dan sebagainya yang melanda umat Islam negeri ini kerana mempunyai kuasa terhad.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata apa yang mampu dilakukan ialah menutup pusat hiburan seperti kelab malam, karaoke, snuker dan pusat permainan video yang menjadi punca kegiatan maksiat.

Menurutnya, masalah moral dan keruntuhan akhlak terutama di kalangan anak muda bukan hanya boleh dikawal di peringkat negeri kerana bidang kuasa yang ada pada sesebuah negeri adalah terhad.

"Malah, ia hanya akan dapat dikawal secara menyeluruh di peringkat pusat sebelum ia merebak.

"Sebab itu, kita (kerajaan negeri) menutup semua lubang maksiat seperti pusat hiburan kerana ia menjadi punca menyebabkan gejala sosial menjangkiti anak muda," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri bahawa Kelantan paling banyak mengalami masalah sosial di negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dalam kenyataan di Alor Star semalam berkata, kajian yang dijalankan di seluruh negara mendapati Kelantan adalah negeri yang paling banyak mengalami masalah sosial berbanding negeri lain.

Sebelum ini, Nik Aziz mendakwa, beliau mempunyai cara tersendiri dalam usaha mengawal masalah sosial dan sedia membantu Kerajaan Pusat dalam menangani gejala itu.

Menteri Besar berkata, beliau tidak sedar banyak masalah sosial yang membabitkan rakyat negeri ini seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri itu.

Sehubungan itu, beliau akan mengambil langkah tertentu mengawalinya mengikut hala caranya sendiri sebelum ia memberi kesan lebih buruk lagi.

(END)